

**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE (IJHPL)**

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



**PENYESUAIAN SPEKTRUM PENDIDIKAN BAHASA ARAB  
SEBAGAI BAHASA ASING PERINGKAT UNIVERSITI KETIKA  
COVID-19**

*ADAPTATION OF ARABIC AS A FOREIGN LANGUAGE EDUCATION AT  
TERTIARY LEVEL DURING COVID-19*

Najjah Salwa Abd Razak<sup>1\*</sup>, NurHidayati Mohd Rafy<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Malaysia  
Email: najjah@upnm.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Malaysia  
Email: yati@upnm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 25.01.2022

Revised date: 31.01.2022

Accepted date: 15.02.2022

Published date: 07.03.2022

**To cite this document:**

Abd Razak, N. S., & Rafy, N. M. (2022). Penyesuaian Spektrum Pendidikan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing Peringkat Universiti Ketika Covid-19. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (17), 13-32.

**DOI:** 10.35631/IJHPL.517002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

COVID-19 membawa perubahan terhadap spektrum pendidikan di Malaysia termasuk pendidikan bahasa Arab khususnya dari konteks pendekatan pembelajaran dan pengajaran bahasa yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Justeru, makalah ini melaporkan analisis penerimaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian serta kekangan yang dihadapi pelajar dalam proses pembelajaran tersebut. Selain itu, pandangan dari perspektif tenaga pengajar turut dikemukakan. Kajian pelbagai kes ini menggunakan kaedah temu bual secara platform maya yang direkod dan kemudian ditranskripsikan secara verbatim. Analisis tematik digunakan menerusi data yang diperoleh. Peserta kajian ini mempunyai latar belakang pelbagai jurusan dan mereka mempelajari bahasa asing bagi dua semester iaitu Arab I dan Arab II. Hasilan kajian ini menunjukkan bahawa pada peringkat awal, pelajar tidak selesa mempelajari bahasa Arab secara dalam talian atas faktor-faktor tertentu. Menariknya, fasa penyesuaian berlaku apabila mereka mula menerima dengan pendekatan yang pelbagai. Di sebalik nuansa kekangan yang dihadapi pelajar dalam kajian ini, pelajar mengambil peranan mengatasinya. Tenaga pengajar turut memberikan pandangan berhubung isu ini dengan menekankan aspek penyesuaian. Kajian ini memberi implikasi pedagogikal yang mana pelajar perlu berusaha menggunakan platform pendidikan sedia ada dengan kreatif. Tenaga pengajar BA perlu mempelbagaikan pendekatan yang menarik perhatian pelajar untuk terus fokus dalam proses pembelajaran di sebalik kekangan yang ada.

**Kata Kunci:**

Bahasa Arab, COVID-19, Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian, Universiti

**Abstract:**

COVID-19 has changed the education's spectrum in Malaysia including Arabic language education specifically from the context of learning and language teaching approaches that are compatible with the current situation. Thus, this paper reports on the analysis of students' acceptance of online Arabic learning as well as the constraints faced by the students in the learning process. In addition, the instructors' perspectives were also presented. This multi-case study uses a recorded virtual platform interview method and were transcribed verbatim. Thematic analysis is used based on the obtained data. The participants have various backgrounds and they studied foreign language for two semesters namely Arabic I and Arabic II. The results of this study show that in the early phase of COVID-19, students are uncomfortable in learning Arabic language using online platform due to certain factors. Interestingly, the adaptation phase occurs when they begin to employ various approaches in order to adapt. Despite the nuances of the constraints that students face in the study, they put their effort to overcome the constraints. In this study, the Arabic language instructors also provided their views on this issue by emphasizing the adaptation aspect. This study has pedagogical implications in which students should strive to creatively use existing educational platforms. The Arabic language instructors too need to diversify approaches that attract students to stay focused on the learning process despite existing constraints.

**Keywords:**

Arabic Language, COVID-19, Learning and Teaching Online, University.

## Pendahuluan

Pendidikan bahasa asing khususnya bahasa Arab berubah dari masa ke masa selari dengan perubahan corak pendekatan pembelajaran dan pengajaran (P&P) kesan daripada tuntutan semasa. Terdapat perubahan dari segi pendekatan pembelajaran secara fizikal kepada pembelajaran berasaskan dalam talian (Maqableh & Alia 2020; Al-Lily et al., 2020) di luar negara, bahkan Malaysia turut terkesan. Contohnya, kehadiran COVID-19 secara global pada 2019 dan menjengah Malaysia sejak 2020 sehingga kini, menjadikan saranan dan pendekatan P&P dipelbagaikan selari dengan keperluan semasa. Senario ini turut melibatkan pelajar peringkat pengajian tinggi.

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atau UPNM turut melalui fasa peralihan disebabkan berlakunya perubahan pendekatan dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar dengan memanfaatkan teknologi digital atau internet melalui P&P secara dalam talian. Terdapat kursus-kursus yang terlibat dan tidak dapat dilaksanakan secara fizikal antaranya ialah kursus-kursus bahasa asing termasuk kursus Bahasa Arab (sebagai bahasa asing) I dan II. Terdapat pelbagai kursus bahasa asing yang ditawarkan di UPNM. Kursus-kursus bahasa asing yang ditawarkan di UPNM ialah di bawah kursus teras universiti terdiri daripada 1 jam kredit bagi setiap semester. Lima kursus bahasa asing yang ditawarkan iaitu Arab, Mandarin, Perancis, Rusia dan Sepanyol. Setiap pelajar perlu mengambil satu set bahasa asing daripada lima set

tersebut iaitu dua tahap bagi setiap bahasa yang dipilih sebagai contoh sekiranya mengambil Bahasa Arab (I), pelajar perlu lulus kursus tersebut dan menyelesaikan Bahasa Arab (II) pula. Walau bagaimanapun, bahasa Mandarin mempunyai satu lagi set berbeza dengan kredit berbeza iaitu ‘Basic Medical Mandarin’ dengan dua jam kredit dan diambil satu semester sahaja.

Kursus Bahasa Arab bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar berkenaan bahasa Arab dan menyediakan mereka dengan kemahiran bahasa yang penting untuk membolehkan mereka mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan betul dalam bahasa Arab. Pelajar kemudiannya diharap dapat membina dialog secara ringkas dan berkomunikasi dalam situasi-situasi terpilih. Sementara Bahasa Arab (II) pula ditawarkan kepada pelajar yang lulus Bahasa Arab (I) dengan memfokuskan kepada pengetahuan budaya Arab serta memperkasakan sebutan melalui teks Arab dan juga aktiviti berkaitan. (Buku Panduan Akademik Sarjana Muda Sains Sosial (Bahasa dan Komunikasi Silang Budaya), 2020).

Sebelum berlakunya penularan COVID-19 di Malaysia, Kursus Bahasa Arab (I) dan Bahasa Arab (II) dilaksanakan secara bersemuka. Namun, rentetan arahan melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian daripada pihak UPNM, teknologi dan penggunaan internet menjadi tuntutan. Peralihan amalan pembelajaran dan pengajaran yang sebelum ini dilaksanakan secara fizikal, menjadi cetusan kepada para pengajar supaya melihat dan memahami kaedah terbaik dan kekangan yang dihadapi pelajar bagi memastikan pelaksanaan pengajaran pada masa akan datang akan dapat diperbaiki dan ditambahbaik. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis penerimaan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian serta kekangan yang dihadapi pelajar dalam proses pembelajaran tersebut. Selain itu, pandangan dari perspektif tenaga pengajar turut dikemukakan.

### **Pendidikan Secara Bersemuka Beralih Kepada Dalam Talian Ketika COVID-19**

Suasana pembelajaran kini beralih daripada bersemuka menjadi kepada pembelajaran dalam talian kesan kehadiran COVID-19 yang bertujuan untuk mengekang penularan COVID-19 dalam masyarakat setempat dan dunia. Pada masa yang sama, terdapat pelbagai kajian berkaitan dilaksanakan. Al-Lily et al., (2020) menggariskan beberapa isu kesediaan pendidikan dalam konteks COVID-19 antaranya berkenaan kesediaan orang Arab khususnya mendepani penerimaan mereka dalam pendidikan dalam talian atau jarak jauh dan pembelian secara dalam talian memandangkan budaya Arab agak berbeza jika dibandingkan dengan konteks bukan Arab yang mungkin lebih bersedia dari segi digital. Pembelajaran di rumah contohnya, boleh menyebabkan isu yang timbul seperti tekanan berkaitan COVID-19, kebimbangan, kemurungan, keganasan rumah tangga, perceraian dan kehamilan, menghalang pelajar dan guru daripada belajar dan mengajar. Selain itu, Al-Lily et al., (2020) menegaskan bahawa negara yang menggantikan sistem bersemuka dengan pembelajaran jarak jauh melalui dalam talian perlu mengambil kira beberapa perkara seperti kesediaan dan pelaksanaan menyeluruh secara terpaksa.

Selain kesediaan pelajar dan tenaga pengajar dari konteks emosi, aspek pengetahuan digital pelu diambil kira. Kajian Alhawsawi dan Jawhar (2021) menunjukkan bahawa sokongan daripada staf Teknologi Maklumat (IT), ahli teknologi dalam kalangan pendidik mempunyai peranan penting dalam membentuk suasana pembelajaran dalam talian yang sempurna yang mana tenaga pengajar dapat menerima atau berunding dengan mereka berkaitan isu IT. Hamat dan Mahlan (2020) menekankan keperluan pembelajaran maya yang turut merujuk kepada pembelajaran dalam talian selaras dengan saranan kerajaan Malaysia. Perubahan corak P&P

yang diamalkan sebelum ini berubah bertitik tolak kepada kemelut pandemik yang berlaku menjadikan pembelajaran perlu bersifat fleksi, menggunakan teknologi semasa dan mencapai hasil pembelajaran yang ditentukan. Justeru, kesediaan dari segi emosi dan pengetahuan berkenaan platform bersesuaian dalam proses P&P dapat menentukan sejauh mana pendidikan bahasa Arab berjalan lancar dan membantu dalam mendapatkan penyelesaian terbaik ketika saat sukar ini.

Kelancaran proses P&P tutut berkait rapat dengan polisi sesebuah institusi. Alhawsawi dan Jawhar (2021) mencadangkan bahawa aspek pedagogi sesebuah institusi dapat diubahsuai dan dirunding apabila sesuatu polisi diperkenalkan. Polisi mempunyai peranan penting dalam mencorak dan membentuk semula jangkaan tenaga pengajar dan praktis mereka apabila beberapa aspek dipenuhi iaitu infrasukuktur IT yang baik, sokongan teknologi dan latihan berterusan. Justeru, polisi dan persekitaran menjadi asas kepada perubahan yang ingin dilaksanakan khususnya apabila rundingan berkait dengan kepercayaan dalam pelaksanaan sesuatu pendekatan pedagogi.

### **Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Dalam Talian Ketika Pandemik Covid-19 Dan Kesannya Terhadap Pelbagai Pihak**

Proses P&P secara dalam talian telah bermula lebih awal iaitu jika melihat kepada penyelidikan-penyeleidikan berkaitan pembelajaran dalam talian, terdapat banyak kajian telah dilaksanakan lebih dari satu dasawarsa. Ini bermakna, pembelajaran dalam talian bukanlah sesuatu yang baharu. Namun, apa yang menarik ialah, pembelajaran yang dilaksanakan dalam talian ketika pandemik COVID-19 dalam konteks Malaysia, bersifat hampir menyeluruh tidak seperti mana kajian-kajian yang ditumpukan sebelum ini hanya menggunakan platform secara dalam talian atau bersifat maya sebagai kaedah tambahan atau sampingan dalam pengajian yang asasnya ialah secara fizikal iaitu sebelum berlakunya penularan COVID-19. Situasi pandemik telah menjadikan teknologi sesuatu yang penting khususnya penggunaan internet menerusi Microsoft Teams, Zoom, Webex dan aplikasi seperti WhatsApp atau Telegram turut digunakan sebagai alternatif kepada proses P&P sebelum ini yang bersifat fizikal.

Terdapat beberapa kesan rentetan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian. Kajian Maqableh dan Alia (2021) menilai kesan peralihan pembelajaran tradisional kepada pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19 ke atas pelajar prasiswazah di Universiti Jordan, Jordan dengan menumpukan kepada aspek penilaian pembelajaran dalam talian, kepuasan pelajar dan aspek positif dan negatif menggunakan kaedah pembelajaran tersebut. Kajian tinjauan tersebut mendapati bahawa terdapat permasalahan yang dihadapi pelajar antaranya ialah aspek teknologi, kesihatan mental, pengurusan masa dan menyeimbangkan antara kehidupan harian dan pendidikan, fokus berkurang, capaian internet dan kurang sokongan. Berdasarkan kajian tersebut, lebih satu pertiga daripada responden kajian tidak berpuas hati dengan pengalaman pembelajaran secara dalam talian sekalipun telah melalui tiga semester. Melalui kajian lanjut menggunakan teknik kumpulan fokus, kajian mendapati bahawa pelajar tidak berpuas hati berdasarkan pelbagai faktor seperti gangguan dan fokus berkurangan, isu psikologi dan isu pengurusan. Sekalipun begitu, terdapat aspek positif yang diperoleh melalui pembelajaran dalam talian iaitu pelajar sedar bahawa pembelajaran dalam talian adalah efektif untuk mengurangkan kos dan menjimatkan masa, rasa selamat kerana dapat mengelakkan penularan COVID-19, rasa lebih selesa dan meningkatkan penglibatan dalam kelas. Sementara aspek negatif merujuk kepada bebanan tugas bertambah berbanding pembelajaran secara tradisional atau bersemuka.

Kehadiran COVID-19 ketika ini menjadikan masa yang sukar kepada mereka yang kurang cakna dengan pembelajaran dalam talian berbanding mereka yang berkemampuan untuk menyampaikan pengajaran pada masa-masa krisis seperti penjarakan fizikal. Namun, hubaya-hubaya pembelajaran dalam talian menjadi alternatif kepada pembelajaran konvensional untuk menghadapi implikasi yang teruk untuk sekolah dan persekitaran pembelajaran secara keseluruhan (Jogezai et al., 2021).

Justeru, penggunaan platform bersesuaian dalam pembelajaran ketika pandemik COVID-19 dapat membantu melancarkan proses P&P. Contohnya, Microsoft Teams menjadi antara satu platform dalam pembelajaran atas talian. Rodriguez-Segura et al. (2020) menjelaskan bahawa ciri-ciri yang terdapat dalam Microsoft Teams itu sendiri memudahkan pengguna atau user friendly selain mewujudkan persekitaran pembelajaran yang memuaskan bagi pelajar dan pensyarah.

Sekalipun terdapat kesan negatif dengan penularan COVID-19, namun pada masa yang sama situasi tersebut turut memberi sisi positif kepada pelbagai pihak. Aliah Phang (2020) mendapati kehadiran COVID-19 telah mengasah kemahiran pelajar universiti supaya lebih bersedia untuk berhadapan dengan alam pekerjaan. Pelajar umpamanya perlu bijak menyusun jadual kendiri dari segi jadual pembelajaran dan juga jadual waktu tugas secara berkumpulan (Hairun Najuwah et.al, 2020). Jika merujuk khusus kepada pelajar yang mengambil kursus Bahasa Arab pula, mereka akan lebih kreatif mengakses internet dengan mencari bahan tambahan dalam pembelajaran bahasa supaya dapat maklumat baharu dan memperolehi kefahaman sesuatu topik yang dipelajari (Hairun Najuwah et.al, 2020). Pada masa yang sama, Aliah Phang (2020) turut menekankan kepentingan kesediaan pelajar melalui persediaan awal sebelum sesi pembelajaran bermula dengan mencari bahan bacaan baharu. Situasi ini menjadi sebahagian sisi positif yang perlu diambil kira oleh pelajar.

### **Pendidikan Secara dalam Talian Sebagai Kebiasaan Baharu**

Jika menyorot kembali permulaan pandemik di Malaysia, Perdana Menteri Malaysia, Tan Si Muhyiddin Yassin telah mengumumkan perintah kawalan pergerakan (PKP) disebabkan penularan virus COVID-19 di Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 (Utusan Borneo, 2020). Rentetan daripada itu terdapat beberapa fasa PKP seperti 25 Mac 2020 sehingga 14 April 2020 memandangkan terdapat peningkatan kes positif COVID-19 di Malaysia. Sekali lagi pada 10 April 2020 sehingga 28 April 2020, disusuli pengumuman pelanjutan seterusnya dari 23 April 2020 sehingga 12 Mei. Sehingga kini PKP masih dilaksanakan namun dalam fasa berbeza iaitu mengikut kawasan terjejas dengan sekatan yang dilaksanakan sama ada PKP atau PKP diperketatkan (PKPD) atau PKP bersyarat (PKPB). (Wilayahku, 2021).

Berdasarkan PKP yang dilaksanakan di Malaysia, lebih daripada 12 bulan pelajar di Malaysia khususnya di UPNM didekah dengan pembelajaran secara dalam talian disebabkan kekangan pembukaan kelas secara fizikal untuk mengelakkan penularan COVID-19. Pembelajaran secara dalam talian telah wujud lebih awal lagi, namun pelaksanaan hampir menyeluruh dalam pembelajaran di peringkat UPNM menjadikannya satu senario yang membuka peluang penyelidik untuk menyelidik penerimaan pelajar terhadap pembelajaran secara dalam talian serta kekangan yang dihadapi pelajar dalam proses pembelajaran tersebut. Selain itu, pandangan dari perspektif tenaga pengajar turut diberi perhatian untuk mendapatkan informasi yang terkini berhubung situasi pembelajaran yang tidak dilaksanakan secara fizikal disebabkan wujudnya kekangan.

Usaha meningkatkan kualiti pembelajaran dalam talian seperti e-pembelajaran umpamanya serta faktor-faktor yang dapat meningkatkan usaha tersebut perlu dilaksanakan memandangkan tanpa usaha sebegini, dikhawatir tahap pengetahuan pelajar akan berkurang tambahan pula kaedah ini akan terus dilaksanakan disebabkan COVID-19 (Yekefallah,2021). Peranan pelajar sangat penting dalam menjayakan proses P&P ketika pandemik ini. Antaranya, (Baber, 2021) menekankan bahawa ciri-ciri seseorang pelajar itu sendiri didapati penting untuk menerima e-pembelajaran semasa situasi pandemik. Mereka perlu bermotivasi untuk mengambil bahagian dan bekerjasama dalam perbincangan. Kebanyakan pelajar berada di bawah lockdown atau sekatan, yang mungkin telah menimbulkan tekanan dan kekecewaan. Oleh itu, mempunyai motivasi yang cukup untuk belajar dalam talian sangat penting untuk penerimaan e-pembelajaran. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza.

Penyesuaian pembelajaran ketika era pandemik menjadi kebiasaan baru yang perlu dititikberatkan. Pembelajaran dalam talian ialah kaedah yang memupuk kemahiran pembelajaran sepanjang hayat memandangkan terdapat pelbagai kemahiran yang perlu digunakan termasuk kemahiran mencari maklumat, bahan yang dipelajari, berdiskusi, membuat refleksi, perlu bermotivasi dan melaksanakan pentaksiran diri (Hamat & Mahlan, 2020). Hamat dan Mahlan (2020) menggariskan penyesuaian yang perlu difokuskan ialah struktur kurikulum, bahan P&P yang lebih interaktif, syarahan maya yang dipendekkan dengan memfokuskan kepada konsep dan prinsip, menggunakan kaedah penilaian yang pelbagai, serta penilaian pembelajaran oleh pelajar.

Selain itu, penggunaan media sosial sebagai bahan pengajaran menjadi pembelajaran bukan fizikal turut membantu pelajar dalam memahami pembelajaran. Jogeza et al., (2021) mendapati bahawa terdapat peningkatan ketara dalam penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat membangun dan maju dan masyarakat agama di sebalik wujudnya penjarakan fizikal. Kajian Jogeza et al., (2021) menyelidik kemungkinan penggunaan media sosial dalam pembelajaran dalam talian dengan meneroka sikap guru berhubung kesan penjarakan fizikal dan peningkatan penggunaan media sosial, pengetahuan media sosial dan kegunaan media sosial pemimpin agama. Kajian tersebut mendapati media sosial mempunyai implikasi terhadap sekolah yang mempunyai pelajar tercicir daripada pembelajaran kerana pandemik bagi negara seperti Pakistan. Walau bagaimanapun, untuk memenuhi penggunaan media sosial dalam pembelajaran dalam talian, pengetahuan guru dan penglibatan yang kerap dengan platform media sosial kekal penting. Kesan ketara media sosial terhadap pengetahuan dan sikap guru menyeru sokongan dan menggalakkan guru menggunakan media sosial dalam persekitaran kerja mereka.

Peranan tenaga pengajar sangat penting dalam memastikan kelancaran perubahan pengajaran dari bersemuka atau secara fizikal kepada dalam talian. Alhawsawi dan Jawhar (2021) menyelidik berkenaan penerimaan tenaga pengajar di universiti di Saudi dengan melihat kekangan yang dihadapi institusi apabila terdapat perubahan pedagogi mereka kepada dalam talian yang memerlukan mereka celik kepada teknologi. Kajian mereka menunjukkan bahawa pengajaran dalam talian memerlukan mentaliti yang berbeza dan penyesuaian pedagogi menyebabkan terdapat tenaga pengajar yang sukar untuk memenuhi keperluan tersebut memandangkan kemahiran pembangunan teknologi dalam pengajaran synchronous bukan keutamaan mereka selama ini. Namun bukan kerana tenaga pengajar enggan mengubah pendekatan mereka tetapi kekangan yang berlaku menyebabkan mereka merasakan sebagai satu kekangan. Aspek kedua melibatkan isu-isu institusi tersebut yang berkaitan dengan rundingan, peralihan kedudukan akademik, dan peralihan minda. Kajian mereka sebaliknya

mendapati tenaga pengajar berusaha sebaik mungkin menyesuaikan diri dan berusaha mengatasi kekangan yang dialami. Kekangan pertemuan secara fizikal menjadikan institusi bukan saja di Arab Saudi malah kemungkinan dalam dunia, membawa kepada penyusunan semula aktiviti pedagogi secara dalam talian dan mengambil kira kepentingan melatih semula tenaga pengajar untuk menyesuaikan diri kepada konsep baharu.

Persekutuan e-pembelajaran menuntut peranan pengajar untuk dipertingkatkan dan diperluaskan daripada menjadi guru kepada fasilitator. Pelajar mengharapkan pengajar mempunyai sikap positif terhadap e-pembelajaran, yang secara tidak langsung akan menggalakkan mereka mempunyai sikap positif terhadap e-pembelajaran. Tambahan pula, e-pembelajaran sebelum wabak ini berbeza, kedua-dua pelajar dan pengajar secara psikologinya bersedia untuk menjadi sebahagian daripada pembelajaran jauh. Walau bagaimanapun, e-pembelajaran semasa pandemik ini lebih bukanlah pilihan, menjadikan tenaga pengajar menggalas tanggungjawab yang lebih (Baber, 2021). Seterusnya, pendekatan yang bersesuaian dapat menutup jurang besar dengan melihat kepada sisi positif pelaksanaan sesuatu pendekatan dalam P&P yang bukan dilaksanakan secara fizikal.

Kesedaran berkenaan kepentingan melakukan perubahan dimensi P&P perlu diambil perhatian di sebalik kesukaran yang wujud kerana kebiasaan dan budaya sesuatu masyarakat. Al-Lily et al., (2020) menggaris tiga faktor yang menjadikan pembelajaran dalam jarak jauh lebih terpakai dalam era kontemporari iaitu kemajuan teknologi, membolehkan sejumlah besar komunikasi jarak. Faktor kedua ialah kekuatan individualisme yang semakin meningkat, di mana seseorang itu mengekalkan jarak daripada orang lain. Faktor terakhir dan paling relevan adalah kepentingan sosial dalam menangani masalah berkaitan kesan yang merumitkan iaitu virus. Rentetan wujudnya suasana panik di seluruh dunia dan ketakutan yang tidak diketahui dalam kes ini, virus telah menggalakkan orang Arab untuk mengalu-alukan aspek penjarakan. Ramai orang Arab telah terlibat dalam kedudukan pertahanan terhadap satu sama lain kerana takut kepada jangkitan. Kajian Al-Lily et al., (2020) kemudiannya mengemukakan satu konsep kesan kerumitan pendidikan disebabkan krisis jarak. Krisis pembelajaran jarak jauh ini turut memberi kesan terhadap tenaga pengajar dan juga pelajar.

Justeru, sokongan dari institusi sangat mengambil peranan terhadap kelancaran pelaksanaan peralihan pedagogi. Alhawsawi dan Jawhar (2021) mendapati bahawa kesediaan institusi dan kualiti sokongan sedemikian boleh membantu mewujudkan ruang untuk tenaga pengajar mengambil kira pedagogi mereka dan cuba mengintegrasikan teknologi ini ke dalam pengajaran mereka. Justeru, kekurangan infrastruktur dalam sesebuah institusi boleh menyebabkan situasi kurang baik dalam melancarkan pelaksanaan P&P dalam talian. Situasi tersebut bukan sahaja mengekang reaksi positif tenaga pengajar malah lebih mengurangkan minat tenaga pengajar yang baru membiasakan diri apabila terdapat masalah komputer dan jaringan internet perlahan, kekurangan kamera dan port audio. Justeru, peruntukan teknologi yang maju dan stabil sebelum ini tidak pernah menjadi keutamaan. Jelas bahawa COVID-19 yang melanda dunia memberi kesan terhadap pendidikan yang menjadikan institusi menyusun semula keutamaan kepada peruntukan teknologi.

### **Peranan Pelajar dalam Mendepani Pendidikan Secara dalam Talian ketika COVID-19**

Terdapat isu-isu yang ditempuhi oleh pelajar dan tenaga pengajaran dalam mendepani pembelajaran dalam talian sebagai pengamalan baharu. Paling ketara, pengajaran atas talian menggunakan internet sepenuhnya. Hairun Najuwah et.al (2020) menekankan isu utama yang perlu diberi perhatian adalah capaian internet. Hal ini kerana capaian internet kedua-dua belah


pihak samada daripada pihak pengajar atau pelajar perlu berada dalam keadaan yang baik supaya proses P&P dalam talian berjalan dengan lancar. Berdasarkan kajian Hairun Najuwah et. al. (2020) menyatakan faktor perisian terkini turut memainkan peranan penting bagi membantu kelancaran pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Kajian tersebut mendapati bahawa perisian terkini perlu dimiliki oleh kedua-dua belah pihak pelajar dan tenaga pengajar agar mudah untuk mengakses proses pembelajaran dalam talian. Bayaran tambahan turut dilakukan oleh pelajar sekiranya perlu menaik taraf kelajuan internet. Bagi pelajar yang kurang berkemampuan agak menyukarkan mereka untuk membeli kemudahan akses internet ini. Adnan et.al (2020) turut berpendapat, penggunaan internet menyebabkan pelajar yang kurang berkemampuan terkesan kerana isu kos untuk membeli data internet menjadi faktor utama dan faktorkekangan kewangan.

Terdapat kekangan lain dihadapi pelajar. Sebahagian pelajar memilih untuk pulang ke asrama kerana menghadapi kesukaran capaian internet di kampung halaman (Hairun Najuwah et.al, 2020). Keizinan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang memberi peluang kepada pelajar yang tidak mempunyai akses pulang ke kampus memberikan pelajar kelegaan dan mengurangkan tekanan terhadap masalah capaian internet di kampung halaman. Walaupun beberapa masalah dihadapi pelajar tetapi kesungguhan pelajar untuk mengikuti sesi pembelajaran dalam talian dilihat sangat memberangsangkan.

Faktor suasana pembelajaran juga memberi kesan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian (Hairun Najuwah et.al, 2020). Sebelum PKP dilaksanakan, proses pembelajaran para pelajar di dalam kampus bersama rakan-rakan dan pembelajaran secara bersemuka dan boleh berinteraksi terus kepada pensyarah. Mohamad Idham (2020) menyatakan sesi pembelajaran tidak boleh ditangguhkan dan perlu diteruskan secara dalam talian supaya pelajar tidak ketinggalan dengan silibus pembelajaran. Namun apabila PKP diumumkan, situasi tersebut memberi kesan kepada suasana pembelajaran daripada belajar bersama kawan kepada belajar secara individu. Selain itu, suasana pembelajaran dirumah tidak begitu kondusif kerana terdapat gangguan rutin sebagai seorang pelajar IPT (Siti Azura et, al. 2021). Suasana pembelajaran di rumah turut menyebabkan pelajar perlu melakukan pelbagai kerja dalam satu masa (Antin et.al, 2018) contohnya pelajar perlu membantu keluarga dan dalam masa yang sama sesi pembelajaran perlu dihadiri. Hal ini menyebabkan pelajar tidak fokus kepada sesi pembelajaran dalam talian.

Terdapat isu lain yang berkait rapat dengan peranan pelajar dalam pembelajaran. Antaranya, kajian Baber (2021) mendedahkan bahawa faktor ciri-ciri pelajar itu sendiri mempunyai pengaruh yang ketara terhadap niat tingkah laku untuk menggunakan e-pembelajaran yang akan mengakibatkan penerimaan sistem ini semasa pandemik. Pelajar mengakui bahawa keadaan tidak kondusif untuk mengadakan pembelajaran kelas dan menunjukkan niat positif untuk menerima e-pembelajaran. Ciri-ciri pelajar didapati penting dan penting untuk menerima e-pembelajaran semasa situasi pandemik. Mereka perlu bermotivasi untuk mengambil bahagian dan bekerjasama dalam perbincangan bilik darjah. Kebanyakan pelajar berada di bawah *lockdown* atau sekatan, yang mungkin telah menimbulkan tekanan dan kekecewaan. Sekiranya pelajar tidak melihat mudahnya dan menggunakan sistem, e-pembelajaran mungkin tidak berjaya. Sistem pengurusan pembelajaran (LMS) dan platform zoom kedua-duanya menjadikan e-pembelajaran berkesan dalam penyampaian kuliah yang disokong oleh bahan pembelajaran yang telah dimuat naik. Sistem yang mudah dan mudah tidak akan menambah kekecewaan yang sedia ada dalam situasi sekatan dan mengambil kelas dalam talian.

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat beberapa perkara perlu diambil kira apabila menyelidik berkaitan pembelajaran dalam talian khususnya ketika pandemik ini memandangkan pilihan masih terhad kepada bukan secara fizikal. Rajah 1 berikut ialah kerangka konseptual kajian yang dilaksanakan ini dengan merujuk kepada kombinasi perbincangan di atas sebagai faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan pelbagai pihak bagi melaksanakan pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik COVID-19.



**Rajah 1: Penyesuaian Spektrum Pendidikan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing Peringkat Universiti Ketika COVID-19**

### Metodologi Kajian

Kajian ini ialah kajian pelbagai kes yang menggunakan kaedah temu bual mendalam separa berstruktur. Temu bual telah dilaksanakan dengan menggunakan platform maya dan direkod, seterusnya audio ditranskripsikan secara verbatim. Hasilan kajian ini dianalisis secara tematik berdasarkan data tepu yang diperoleh. Kajian ini melibatkan pelajar dari pelbagai latar belakang jurusan yang mempelajari bahasa asing (Arab II) sebagai subjek wajib universiti. Para peserta kajian telah selesai mengambil kursus bahasa Arab (I) dan ketika kajian ini dilaksanakan, mereka telah selesai minggu ke-14 kuliah bagi kursus Bahasa Arab (II) semester II sesi pengajian 2020/2021.

Setiap peserta dipilih berdasarkan kepelbagaian latar belakang dan juga pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang berbeza sebelum menjadi pelajar di UPNM. Peserta kajian yang menepati ciri tersebut dipilih berdasarkan kesediaan untuk menjadi peserta temu bual. Peserta pertama ditemu bual dinamakan sebagai P1, peserta kedua dinamakan sebagai P2 dan begitulah seterusnya.

Terdapat 21 pelajar dari empat jurusan yang mengambil bahasa Arab sebagai asing peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pertahanan dan Keselamatan Islam, Sains Ketangkasan Pertahanan (AKP) dan Sains Sosial (Bahasa dan Komunikasi Silang Budaya) atau PB. Lima peserta dari jurusan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (KJE), enam peserta dari jurusan Pertahanan dan Keselamatan Islam (DMI), tujuh

peserta daripada Sains Ketangkasan Pertahanan serta tiga peserta dari jurusan Sains Sosial (Bahasa dan Komunikasi Silang Budaya).

Pengalaman pembelajaran pula menunjukkan bahawa sembilan (9) peserta hanya mempunyai asas bahasa Arab ketika sekolah rendah, seorang (1) pelajar mempunyai pengalaman belajar hanya ketika Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 ketika Sekolah Menengah, manakala dua (2) peserta mempelajari ketika Tingkatan 1-3 sahaja, diikuti sembilan (9) peserta yang mempelajari bahasa Arab dari Tingkatan 1 hingga 5. Peserta kajian mempunyai latar belakang sekolah yang pelbagai sama ada sekolah rendah, sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Menengah Agama (sekolah di bawah kerajaan negeri).

Berdasarkan profil peserta kajian dalam kajian ini, para penyelidik telah mengenal pasti sebab pemilihan kursus Bahasa Arab (sebagai bahasa asing) di UPNM. Terdapat persamaan yang banyak dari sebab pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa asing iaitu dalam kajian ini, terdapat peserta yang memilih bahasa Arab disebabkan pelajar mempunyai asas dan juga kerana sudah mengenali tulisan supaya memudahkan proses pembelajaran mereka di peringkat universiti. Selain itu, terdapat peserta yang memilih bahasa Arab kerana faktor agama seperti memahami Islam, memahami al-Quran, bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran, bahasa Arab sebagai bahasa syurga dan kerana ingin memberi manfaat kepada ummah. Seterusnya, terdapat pelajar dalam kajian ini ingin mempertingkat tahap bahasa Arab dan menambah pengetahuan. Menariknya apabila terdapat peserta yang memilih bahasa Arab kerana diinspirasi dari pelajar senior terdahulu di peringkat sekolah menengah yang menjadi pendebat. Selain itu, terdapat peserta memilih bahasa Arab kerana ingin mengelak daripada ditipu bahasa Arab.

### **Dapatan Kajian**

Berdasarkan kajian ini, terdapat tiga persoalan kajian sebagaimana berikut dan dikemukakan bersama dapatan kajian dan perbincangan.

#### ***Soalan Kajian I. Bagaimakah Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Dalam Talian?***

Terdapat pelajar yang pada mulanya teruja untuk mempelajari bahasa Arab selepas memilih bahasa Arab sebagai bahasa asing, namun berasa rugi kerana pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Pelajar kemudiannya membiasakan diri dengan menggunakan platform Microsoft Teams, bahkan mula membiasakan diri dengan apps yang membantu kepada pembelajaran secara dalam talian. Jika merujuk kepada penerimaan pelajar, mereka mengemukakan beberapa isu iaitu berkenaan penerimaan peralihan bentuk pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian disebabkan pandemik COVID-19 dan kesan pembelajaran secara dalam talian terhadap mereka sebagai pelajar.

#### ***Bentuk Penerimaan Pelajar Terhadap Peralihan Bentuk Pengajaran dan Pembelajaran Fizikal kepada Pembelajaran dalam Talian***

Keseluruhannya pelajar mengakui bahawa mereka menerima perubahan amalan pengajaran dan pembelajaran dan lama kelamaan membantu mereka dalam pembelajaran. Peserta dalam kajian ini mengakui bahawa mereka tidak mempunyai pilihan untuk tidak memilih pembelajaran secara dalam talian. Namun, sekiranya diberi pilihan, mereka lebih selesa mempelajari bahasa Arab secara bersemuka.

## Kesan Peralihan Bentuk Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Pelajar

Pelajar turut mengemukakan kesan peralihan bentuk pengajaran dan pembelajaran terhadap diri mereka.

### a. Terganggu

Ketika semester I, mereka merasakan bahawa proses pembelajaran banyak terganggu disebabkan capaian internet yang tidak memuaskan. Justeru, pelajar merujuk kepada rakaman Microsoft Team yang disediakan oleh tenaga pengajar.

### b. Boleh Diakses Apabila Diperlukan

Sisi positif ialah mereka dapat merujuk rakaman mengikut masa yang mereka perlukan dan inginkan.

### c. Bahan Pembelajaran Lebih Meluas

Pada masa yang sama mereka merasakan bahan pembelajaran ketika pembelajaran dalam talian adalah meluas dan banyak dapat dimanfaatkan.

### d. Kekok

Berbanding secara bersemuka, terdapat pelajar yang berasa kekok untuk berkomunikasi dalam kelas secara dalam talian. P5 antaranya menyebut: "...kekok sebab susah untuk bercakap berbanding bersemuka, kemudian ok, biasakan diri".

### e. Kurang Berkesan Bagi Pelajar Yang Tiada Asas Bahasa Arab Yang Baik

Pelajar juga merasakan dari segi pemahaman adalah lebih berkesan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka memandangkan tenaga pengajar memberi lebih perincian. Sementara itu, pelajar yang tiada asas baik merasakan sukar kerana bahasa Arab ialah bahasa asing yang perlu difahami dengan lebih baik berbanding pengetahuan sedia ada, selain itu tumpuan yang lebih perlu diperaktikkan. Antaranya P7 menyatakan: "Bagi saya penerimaan agak kurang sebab BA bahasa asing, mostly pelajar tidak memahami BA tu, so sekarang belajar secara talian agak sukar nak fokus bila belajar".

### f. Berkesan Bagi Pelajar Yang Mempunyai Asas Bahasa Arab Yang Baik

Bagi pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab yang baik, mereka merasakan pembelajaran dalam talian bukan sesuatu perkara yang perlu dibimbangkan memandangkan mereka merasakan pembelajaran ketika semester I lebih kepada ulangkaji dan merasakan kursus Bahasa Arab (I) ialah kursus yang mudah.

### g. Pelajar Dengan Asas Bahasa Arab Yang Terhad Tidak Menjadi Masalah Dalam Pembelajaran Bahasa

Ketika semester II, pelajar mula menyesuaikan diri dengan lebih baik memandangkan capaian internet semakin baik kerana berada di universiti, sekalipun begitu mengakui masih sukar bertanya soalan secara langsung. Terdapat pelajar tetap merasakan bahasa Arab bukan sesuatu yang sukar dipelajari secara dalam talian dan berpandangan pembelajaran bukan secara fizikal boleh diteruskan. Terdapat pelajar yang merasakan tiada masalah walaupun hanya mempunyai asas bahasa Arab yang terhad kerana berpandangan bahawa pensyarah membimbing dan mengajar perlahan-lahan dari atas sehingga dapat menguasai bahasa Arab. Seterusnya, terdapat pelajar merasakan bahasa Arab sukar pada semester II untuk dipelajari kerana bersifat lebih mendalam berbanding semester II tambahan pula dipelajari secara dalam talian.

### **h. Menjimatkan Kos**

Menariknya terdapat pelajar berpandangan bahawa pembelajaran secara dalam talian dapat menjimatkan kos penggunaan kertas dan memudahkan pelajar dan pensyarah. Namun, terdapat pula pelajar yang lebih selesa mempelajari sesuatu kursus dengan merujuk kepada bahan bercetak.

### **i. Perlu Lebih Berdikari**

Pelajar perlu lebih berdikari dalam pembelajaran kerana tugasan yang diberikan memerlukan pelajar mencari bahan-bahan secara dalam talian

### ***Soalan Kajian II. Apakah Kekangan Yang Dihadapi Pelajar Dalam Proses Pembelajaran Tersebut?***

Terdapat pelbagai kekangan yang dihadapi oleh pelajar dalam kajian ini sepanjang pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing ketika mereka berada di semester I dan II. Kekangan utama ialah capaian internet sama ada ketika berada di rumah atau universiti. Namun, kekangan tersebut telah diatasi dari masa ke masa dengan penyediaan capaian internet oleh pihak universiti atau pelajar sendiri menggunakan data internet percuma atau data yang dibeli. Kekangan yang diperoleh bukan sahaja kerana disebabkan faktor pembelajaran secara dalam talian, malah bertambah sukar apabila kursus yang dipelajari ialah kursus bahasa Arab sebagai bahasa asing.

Berikut ialah isu-isu utama kekangan pelajar sepanjang mempelajari bahasa Arab ketika situasi pandemik COVID-19.

### **Fasiliti**

Selanjutnya kekangan fasiliti yang mana ketiadaan capaian internet, capaian internet tidak baik, terkeluar kelas menyebabkan pada mulanya pelajar memahami kursus yang sedang dipelajari namun, apabila pelajar masuk semula ke kelas setelah mendapat kembali capaian internet, mereka telah ketinggalan. Selain fasiliti capaian internet, kekangan yang turut dihadapi pelajar dalam kajian ini ialah terdapat pelajar yang berasa tidak selesa kerana tiada tempat/ruang khas belajar serta terpaksa bersila ketika pembelajaran dari rumah berbanding jika di universiti (kelas yang selesa).

### **a. Capaian Internet**

Dari segi fasiliti pula pelajar masih menegaskan bahawa tiada capaian internet atau capaian internet tidak baik sebagai antara kekangan utama dalam pembelajaran bahasa Arab ketika pandemik COVID-19. P20 contohnya menyebut: “First sebab kita belajar melalui online, sebab saya tinggal di Sabah, kekangan saya yang pertama sekali adalah dengan internet, dia buat saya susah nak cari maklumat”.

### **b. Ruang Belajar**

Selain itu, kekangan dari segi fasiliti ialah apabila tiada tempat atau ruang khas belajar sekiranya belajar dari rumah berbanding di universiti.

### **Pengurusan Masa**

Berdasarkan kajian ini juga, pelajar mendapati bahawa pengurusan masa menjadi suatu kekangan kerana terdapat tugas-tugasan dengan masa serahan yang perlu diselesaikan sedangkan membaca artikel bahasa Arab mengambil masa.

### **Faktor Kurang Kerjasama Daripada Rakan-Rakan**

Selain itu, faktor rakan-rakan turut menjadi kekangan kepada pelajar dalam kajian ini. Terdapat rakan-rakan yang tidak membantu dalam tugas berkumpulan, menjadikan ahli yang tidak bekerjasama memberi beban tugas lebih kepada orang lain.

### **Kurang Pengetahuan Dan Penggunaan Teknologi**

Pelajar dalam kajian ini turut merasakan bahawa kekangan yang dialami ialah mereka perlu mempunyai pengetahuan dan penggunaan teknologi. Contohnya, pelajar perlu merujuk YouTube untuk menentukan bahawa tulisan Arab dapat dimasukkan. Tambahan pula, kekangan menyesuaikan situasi menjawab peperiksaan dalam talian termasuk memerlukan pelajar memasukkan tulisan Arab. Selain itu, terdapat pelajar yang menggunakan apps dalam google play samada melalui Android atau iPhone bagi pencarian maklumat baharu. Di sebalik kekangan yang wujud, peranan pelajar dalam mengatasi kekangan tersebut sangat membantu mereka dalam pembelajaran bahasa Arab.

### **Memberi Tumpuan Dengan Tidur Awal Pada Waktu Malam**

Pelajar turut berpandangan bahawa tidur awal pada waktu malam dapat membantu pelajar bersedia awal untuk menyertai sesi pembelajaran. Seterusnya dapat membantu pelajar memberikan tumpuan semasa sesi pembelajaran secara atas talian. Semasa proses pengajaran berlangsung, terdapat pelajar yang cuba untuk hilangkan rasa mengantuk dalam kelas dengan cara, makan atau mengunyah sesuatu.

### **Elakkan Mengganggu Rakan Dan Belajar Bersama Mereka Supaya Fokus**

Selain itu, terdapat kekangan yang perlu dihadapi oleh pelajar, contohnya dalam kajian ini, pelajar cuba mengelakkan gangguan daripada kawan-kawan agar dapat memberikan tumpuan kepada proses pembelajaran.

### **Meminta Bantuan Rakan-Rakan**

Bantuan rakan-rakan turut membantu pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab.

### **Berbincang Dengan Rakan-Rakan**

Pelajar juga ada yang mengambil pendekatan dengan berbincang bersama kawan-kawan tentang sesuatu topik yang dipelajari supaya lebih mudah kerana perbincangan boleh menyebabkan mereka lebih memahami topik tersebut.

### **Merujuk Nota**

Terdapat pelajar dalam kajian ini merujuk nota dalam e-learning atau slides yang diberikan sebagai rujukan.

### **Mempertingkat Penulisan Melalui Tulisan Dan Percakapan Serta Cuba Membaca Penulisan Arab**

Pelajar dalam kajian ini turut merasakan melalui latihan dalam penulisan dan percakapan dalam bahasa Arab dapat mempertingkatkan kaedah penulisan perkataan bahasa Arab dan percakapan bahasa Arab dengan baik. Selain itu, pelajar dalam kajian ini turut mengatasi kekangan yang dihadapi untuk memahami bahasa Arab dengan meluaskan pencarian bahan bacaan, samada dalam Google, kamus atau mencatat perbualan yang sudah dipelajari iaitu al-hiwar untuk dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar. Terdapat pelajar yang mengambil pendekatan dengan merapatkan diri dengan kawan sekelas yang mahir berbahasa Arab agar lebih mudah untuk berbincang berkaitan topik yang telah dipelajari.

### **Sikap Positif Pelajar Untuk Menyesuaikan Diri**

Menariknya, terdapat peserta yang merasakan bahawa tiada kekangan langsung dalam mempelajari bahasa Arab sekalipun ketika suasana pandemik kerana dapat menyesuaikan diri. Selain itu terdapat pelajar dalam kajian ini yang merasakan tiada kekangan yang dihadapi kerana mengakui bahawa setiap persoalan dapat dicari di internet.

### **Rajin Membaca, Google, Merujuk Kamus, Membaca Buku**

Peserta kajian ini kebanyakannya turut menggunakan alternatif lain selain menghadiri kuliah pensyarah dengan rajin membaca, merujuk google sama ada google translate atau memanfaatkan enjin pencarian tersebut dengan merujuk laman sesawang yang lain. Mereka juga turut merujuk kamus sama ada kamus dalam talian mahupun kamus bercetak atau meminjam buku daripada keluarga atau rakan. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang sukar menggunakan kaedah merujuk google dan laman sesawang kerana tiada pengalaman dan tidak tahu laman yang sesuai. Sebagai contoh P20 menyatakan: "...macam kalau saya google translate sesuatu BA tu dia banyak muncul perkataan lain, kadang-kadang saya cari nota-nota dalam internet tetapi kadang dia macam susah la. Hanya bergantung nota yang diberikan dengan google translate, website-website lain dlm BA tak tahu".

### **Mencatat Perbualan Yang Sudah Pelajari Iaitu Al-Hiwar Untuk Dijadikan Sebagai Rujukan**

Dalam kajian ini, pelajar turut mencatat setiap topik yang dipelajari dalam buku nota sebagaimana yang dinasihatkan oleh para pensyarah.

### **Menghafal Kosa Kata Bahasa Arab Melalui Kaedah-Kaedah Khusus**

Pelajar turut berusaha untuk menghafal kosa kata baharu dalam bahasa Arab. Beberapa kaedah yang diperlakukan oleh pelajar dalam kajian ini antaranya pelajar mencari makna sama ada melalui Google, mencari makna daripada kamus, menggunakan buku mutaradifat dan melalui buku mudadat. Terdapat pelajar yang menggunakan kaedah menulis kosa kata, menghafal kosa kata dan mengulang baca kosa kata sebanyak 10 kali sehingga kosa kata BA tersebut mereka hafal.

### **Mulakan Dengan Perbualan Yang Mudah, Dengan Berkaitan Kehidupan**

Pelajar menyatakan kaedah pembelajaran bahasa Arab akan lebih menarik sekiranya diadakan kem bahasa Arab. Pelajar berpendapat Kem BA tersebut bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang keperluan bahasa Arab dari aspek komunikasi dan mendengar dalam pertuturan harian.

### **Atasi Masalah Capaian Internet Melalui Alternatif**

Antara alternatif yang dilaksanakan pelajar bagi mengatasi masalah capaian internet secara langsung, pelajar dalam kajian ini merujuk rakaman, mencari kawasan capaian yang baik, menggunakan data sendiri, menggunakan laptop rakan, atasi dengan pasang wifi jika ada masalah sampai terkeluar talian, minta bantuan kawan bahagian yang ketinggalan

Manakala, berkaitan masalah capaian internet yang kurang baik, pelajar dalam kajian ini mengambil pendekatan untuk merujuk semula rakaman di Microsoft Teams. Contohnya P19 berkata: "...kalau belajar online Ms Teams lagi baik dari yang lain. Ms teams boleh record time sesi kelas tu. Dia ada features tu. So students boleh tengok balik recording tu..."

Sekiranya pelajar terkeluar daripada Microsoft Teams disebabkan talian kurang baik, pelajar akan meminta bantuan rakan-rakan bagi topik yang mereka ketinggalan. Terdapat pelajar yang

berusaha mencari kawasan yang mempunyai capaian internet yang baik. Pelajar turut menggunakan data sendiri, jika tidak dapat capaian internet pelajar berusaha menggunakan laptop kawan untuk meneruskan sesi pembelajaran dan pembentangan dalam talian. Pelajar juga mengatasi masalah capaian internet dengan memasang wifi supaya capaian lebih baik dan proses pembelajaran lancar.

### **Bijak Membahagikan Masa**

Pelajar dalam kajian ini turut berpendapat pembahagian jadual yang baik dapat membantu pelajar dalam pengurusan masa pelajar.

### **Menjawab Soalan Pensyarah**

Selain kekangan, pelajar turut mengemukakan kaedah mereka mengatasi kekangan yang dihadapi tersebut. Sebagai contoh, dalam kajian ini, terdapat pelajar yang mengakui bahawa pelajar yang namanya dipanggil pensyarah untuk menjawab soalan, sebenarnya membantu mempertingkat bahasa Arab pelajar walaupun pelajar tersebut tidak mahir. Sebaliknya, panggilan tersebut berkesan untuk mempertingkat soft skill pelajar, mempertingkat pertuturan bahasa Arab kerana bahasa Arab bukan mudah jika tiada asas yang baik. Selanjutnya pelajar menghubungi pensyarah secara peribadi-Whatsapp untuk bertanya lanjut kepada pensyarah selain merujuk kawan, YouTube, dan nota untuk lebih faham.

### **Mencari Suasana Pembelajaran Yang Lebih Selesa**

Terdapat pelajar yang mengambil pendekatan keluar dari rumah kerana ingin mengelakkan daripada diganggu adik beradik dan sekiranya ibu memohon bantuan ketika sesi pembelajaran sedang berjalan.

### ***Soalan Kajian III. Apakah Pandangan Tenaga Pengajar Bahasa Arab Terhadap Penerimaan Pelajar Secara Dalam Talian?***

Berdasarkan kajian ini, tenaga pengajar bahasa Arab menyatakan bahawa secara keseluruhannya, pelajar dapat menerima pembelajaran dalam talian. Namun, bagi pelajar yang telah mempunyai asas bahasa Arab, pembelajaran secara dalam talian adalah tidak sukar berbanding pelajar yang tiada asas kukuh kerana terdapat aksara dan sebutan yang perlu dipelajari. Walaupun begitu, bahasa Arab masih boleh dipelajari dengan baik sekiranya pelajar memberi tumpuan yang lebih, bertanya secara langsung kepada tenaga pengajar serta menghadiri sesi konsultasi pembelajaran bahasa Arab.

Tenaga pengajar mencadangkan pelajar sekiranya mereka mempunyai sebarang soalan, mereka seharusnya terus bertanya kepada pensyarah. Sikap proaktif sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab, justeru dicadangkan supaya pelajar mencari bahan-bahan tambahan apa yang dipelajari dalam kuliah atau tutorial. Sebagai contoh, sekiranya pensyarah mengajar berkenaan kata nama (isim), pelajar digesa supaya tidak berhenti di situ sahaja, malah merujuk penerangan selanjutnya dari YouTube atau laman sesawang yang membantu pembelajaran tajuk tersebut. Terdapat pelbagai laman sesawang yang mudah difahami bagi pelajar peringkat asas dan pertengahan antaranya ialah Mawdoo3. Malah, pelbagai topik di laman sesawang bersesuaian boleh dimanfaatkan. Selain itu, pelajar perlu membiasakan diri menggunakan kamus supaya dapat mengetahui kosa kata yang baharu sama ada kamus ekabahasa maupun dwibahasa secara dalam talian maupun yang berbentuk buku.

Tidak terhenti di situ sahaja, media sosial seperti YouTube dan Instagram, dapat membantu pengkayaan kosa kata dan frasa pelajar termasuk berkomunikasi dengan cara ringkas serta mengambil peluang menyertai webinar bahasa Arab yang bersiaran yang boleh didapati secara percuma. Buku bahasa Arab juga boleh didapati secara percuma secara dalam talian seperti di waqfeya.net.

Pelajar juga disarankan supaya merujuk kepada pensyarah secara langsung sama ada ketika terdapat kemusykilan ataupun sebagai usaha berkomunikasi secara langsung dengan pensyarah menggunakan bahasa Arab. Aktiviti menyoal ketika masih di dalam kelas perlu dipraktiskan dan perlu tekad bertanya sekalipun merasakan soalan tersebut terlalu mudah dan risau diketawakan rakan-rakan. Aktiviti ini selain membantu pelajar menyoal, ia turut memupuk keberanian pelajar untuk mengatasi ketakutan melakukan kesalahan ketika bertutur tambahan pula proses pembelajaran bahasa biasanya tidak lepas daripada kesalahan dan kesilapan. Kesalahan dan kesilapan tersebut dipelajari untuk memperteguhkan lagi penguasaan bahasa pelajar bahasa Arab. Selanjutnya, pelajar seharusnya cuba menggunakan frasa atau ayat ringkas dan menuturnya dalam bahasa Arab sekalipun bahasa peringkat asas sebagai mendidik keyakinan.

Selain itu, peranan institusi dalam menjadi pemudah cara pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian menerusi penyediaan platform bersesuaian dan efektif, menambah nilai para pensyarah menerusi bengkel pemantapan kaedah pengajaran secara dalam talian dan hibrid dapat membantu para pensyarah dalam mendepani fasa peralihan pendidikan yang lebih bersifat maya. Pensyarah juga perlu mempunyai keinginan untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan mengambil kira scenario perubahan dan kehendak masa kini yang memerlukan mereka untuk tidak ketinggalan dalam mendidik anak bangsa dengan sewajarnya.

### **Perbincangan**

Berdasarkan dapatan kajian, kesediaan menerima peralihan pembelajaran dari bersempua kepada dalam talian adalah berasaskan kepada tiada pilihan lain dalam situasi sukar ini. Pelajar ketika semester I kelihatan cuba memahami perubahan yang berlaku dan mula menyesuaikan diri ketika semester II kerana telah melalui situasi yang sama dalam semester sebelumnya. Kesediaan merupakan aspek penting dalam memastikan kejayaan P&P dalam talian secara menyeluruh (Al-Lily et al., 2020) apatah lagi apabila melibatkan pelajar dan tenaga pengajar yang tidak cekap menggunakan teknologi maklumat sebelum berlakunya pandemik COVID-19 (Jogezai et al., 2021).

Kajian ini menunjukkan para pelajar selesa menggunakan Microsoft Teams sebagai antara platform pembelajaran yang membantu mereka mempelajari bahasa Arab. Rodriguez-Segura et al. (2020) turut menekankan kelebihan ciri-ciri yang terdapat dalam Microsoft Teams itu sendiri kerana memberi suasana P&P yang mudah bagi tenaga pengajar dan pelajar sendiri kerana mudah digunakan.

Kesan peralihan bentuk pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajar dapat dilihat dalam kajian ini apabila pelajar memperincikan beberapa kesan rentetan pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik COVID-19. Pelajar merasa terganggu disebabkan capaian internet tidak memuaskan ketika semester I namun, di sebalik kekangan tersebut mereka berpeluang melihat sesi kuliah secara berulang kerana adanya rakaman kuliah pensyarah. Bahkan, mereka tidak hanya bergantung kepada bahan pembelajaran ketika kuliah disampaikan oleh pensyarah semata-mata. Mereka memanfaatkan teknologi dengan mencari bahan pembelajaran sebanyak

mungkin melalui platform seperti YouTube dan Instagram selain merujuk sama ada kamus secara dalam talian ataupun laman sesawang yang membantu pembelajaran bahasa Arab.

Perasaan kekok turut dikenal pasti sebagai kesan kuliah bukan secara fizikal. Mereka merasakan sukar untuk bertanya secara langsung dan kurang proaktif berbanding pertemuan secara fizikal. Situasi ini dapat dikaitkan dengan ciri-ciri pelajar itu sendiri khususnya bagi pelajar yang gemar berinteraksi secara aktif di dalam kelas bersemuka kerana mereka dibiasakan dengan berkomunikasi dengan tenaga pengajar juga rakan-rakan melalui pelaksanaan pelbagai program tambahan seperti forum, bengkel dan aktiviti yang memerlukan mereka untuk berinteraksi ketika aktiviti fizikal boleh dilaksanakan. Dapatkan ini berbeza dengan kajian Maqableh dan Alia (2021) yang mendapati bahawa pelajar lebih selesa P&P secara dalam talian kerana mereka lebih melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara dalam talian.

Sementara itu, terdapat pelajar yang turut merasakan pembelajaran bahasa Arab menjadi kurang berkesan bagi pelajar yang tidak mempunyai asas yang baik, memandangkan mereka perlu memberi tumpuan yang lebih. Jika melihat kepada latar belakang yang hanya mempunyai pengalaman pembelajaran peringkat sekolah rendah, pelajar dalam kajian ini tidak menganggap mereka mempunyai asas yang baik kerana telah lama meninggalkan pembelajaran bahasa Arab. Namun, sekurang-kurangnya mereka mempunyai pendedahan awal berkaitan penulisan dan sebutan yang menjadikan mereka tetap memilih kursus bahasa Arab berbanding bahasa lain yang lebih baharu buat mereka. Sebagaimana yang dijangka, pelajar yang mempunyai asas tidak merasakan suatu isu mempelajari bahasa Arab secara tidak bersemuka. Lebih-lebih lagi mereka telah membiasakan situasi tersebut sejak semester I lagi. Kesukaran bertanya secara langsung turut menjadi kesan terhadap pelajar dengan situasi diburukkan lagi apabila sukanan pelajaran ketika semester II semakin mendalam.

Menariknya terdapat pelajar yang melihat situasi pembelajaran dalam talian memberi kesan positif iaitu menjimatkan kos sementara itu terdapat pelajar yang masih memilih mempelajari bahasa Arab dengan merujuk bahan bercetak kerana lebih selesa. Pelajar menjadi lebih berdikari demi menyiapkan tugas yang diberikan. Sikap berdikari ini memacu kepada pembelajaran secara kendiri yang memanifestasikan pembelajaran sepanjang hayat (Hamat & Mahlan, 2020).

Kajian ini seterusnya memperlihatkan bahawa pelajar mencuba untuk menambahbaik pengetahuan berkaitan teknologi supaya dapat dimanfaatkan dalam pembelajaran bahasa selain itu kualiti data internet turut diambil berat dengan mempersiapkan data yang mencukupi sekiranya mampu sementara bagi yang tidak berkemampuan mereka menggunakan capaian internet yang disediakan oleh pihak universiti, dan ini menjadi kekangan bagi pelajar yang berada di rumah khususnya yang tidak mendapat capaian internet yang sempurna. Aspek ini selaras dengan saranan Yekefallah, (2021) yang melihat bahawa pelajar mempunyai peranan yang penting dalam menjayakan sesi P&P termasuk memastikan kualiti pembelajaran. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka tidak mampu berbuat demikian, alternatif lain perlu diambil. Contohnya, menggunakan Whatsapp atau Telegram untuk mendapatkan maklumat daripada tenaga pengajar dan rakan-rakan kerana data internet yang diperlukan adalah lebih kecil. Sekiranya masih tidak mampu atas kekangan data dan tiada telefon bimbit, tiada laptop mahupun desktop, para pelajar boleh memaklumkan kepada tenaga pengajar supaya mereka cakna dan mencari jalan penyelesaian dengan merujuk kepada institusi pengajian kerana permasalahan ini turut menjadi tanggungjawab pihak institusi dari segi memberi sokongan

seperti bantuan keapda pelajar yang memerlukan namun tidak berkemampuan. Kualiti pembelajaran turut dikaitkan dengan penyediaan fasiliti yang mencukupi oleh institusi pengajian. Kajian Alhawsawi dan Jawhar (2021) turut mendapati bahawa sokongan institusi sangat penting dalam melancarkan pembelajaran dalam talian khususnya ketika pandemik COVID-19.

Dapatkan kajian ini turut menunjukkan bahawa pelajar mengambil banyak inisiatif bagi menjayakan proses P&P Bahasa Arab dan antara faktor yang menonjol ialah ciri-ciri individu pelajar yang mempengaruhi tingkah laku, sebagaimana yang turut ditonjolkan dalam kajian Baber (2021). Di sebalik kepelbagaiannya latar belakang pelajar, dari jurusan yang berbeza dan tempoh pengalaman pembelajaran yang berbeza, pandangan mereka hampir sama dari konteks tujuan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing sama ada untuk tujuan agama, ibadah, minat mahupun faktor persekitaran dan kendiri. Usaha yang ditonjolkan pelajar sama ada mempunyai asas sejak sekolah rendah atau sekolah rendah sahaja tetap dibanggakan kerana memberi komitmen yang sama seperti pelajar yang mempunyai asas yang lebih iaitu mereka yang mempelajari peringkat sekolah menengah.

Tenaga pengajar turut memainkan peranan dengan melihat bahawa peranan menjayakan pembelajaran bahasa Arab tidak terhenti ketika melalui kuliah semata-mata. Malah, tenaga pengajar melihat bahawa pelajar perlu memahami konsep pembelajaran secara interaktif, kendiri, proaktif dan pelajar turut perlu mempersiapkan diri dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya ketika pandemik COVID-19. Kajian ini seterusnya menunjukkan para pengajar bahasa Arab cuba menyesuaikan diri sebaik mungkin sebagai tenaga pengajar dengan membantu para pelajar memperoleh penyesuaian terbaik sekalipun mereka turut menghadapikekangan di awal peralihan pengamalan P&P daripada fizikal kepada bersemuka. Alhawsawi dan Jawhar (2021) dalam kajian mereka turut mendapati bahawa tenaga pengajar sentiasa berusaha yang terbaik untuk menyesuaikan diri dan latihan yang berterusan kepada tenaga pengajar turut menyumbang kepada kelancaran proses P&P dalam talian sekalipun bukan suatu pilihan.

Hasilan kajian ini mendapati bahawa terdapat pelbagai perincian di sebalik aspek penerimaan, kesan dan kekangan yang dilalui pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing peringkat universiti. Pandangan pensyarah dalam kajian ini melihat isu yang sama dihadapi pelajar tetapi terdapat ruang persamaan yang boleh diambil kira contohnya peranan masing-masing dalam memberi kerjasama terbaik untuk menjayakan proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab. Selain itu, aspek kerjasama dan peranan universiti perlu diambil kira dalam menjayakan pendidikan Bahasa Arab dalam situasi COVID-19 ini dari segi penyediaan fasiliti dan memantapkan pengetahuan dan pelajar menerusi latihan berkaitan penggunaan platform P&P yang terkini, terbaik dan bersesuaian.

Kajian ini mempunyai limitasi kerana peserta kajian khusus kepada pelajar UPNM. Walaupun begitu, kajian ini melihat bahawa temu bual yang dilaksanakan membongkar perincian yang lebih spesifik dan mendalam berhubung isu yang dikaji kerana para penyelidik berpeluang menggunakan kaedah *probe* dan *prompt* yang biasa digunakan dalam kaedah temu bual mendalam separa berstruktur berbanding menggunakan kaedah tinjauan. Sedikit sebanyak, sekalipun tidak dapat digeneralisasikan, gambaran yang diperoleh berkenaan isu-isu yang dibangkitkan pelajar dan tenaga pengajar dalam era pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian dapat dimanfaatkan oleh tenaga pengajar dan pelajar dari konteks isu-isu sama yang mungkin dihadapi oleh institusi lain. Kajian selanjutnya perlu dilaksanakan dengan melihat

kepada pendekatan lebih terperinci yang dilaksanakan oleh institusi dari masa ke masa untuk memastikan proses P&P berjalan dengan efektif dan membina motivasi kesemua pihak bagi menjayakan proses tersebut.

### Kesimpulan

Melalui kajian ini terdapat pelbagai aspek yang perlu dilihat kembali oleh pelajar, tenaga pengajar, institusi pengajian serta institusi keluarga dalam memastikan proses P&P berjalan lancar. Situasi pandemik COVID-19 masih tidak menampakkan akan terus hilang segera, namun di sebalik krisis yang berlaku sebenarnya memberi peralihan baharu kepada semua pihak untuk menyesuaikan diri di samping meneroka dengan lebih banyak berkenaan teknologi supaya tidak ketinggalan. Kebiasaan ini dapat membantu membentuk proses P&P secara hibrid pada masa akan datang sekiranya kaedah fizikal boleh dilaksanakan dengan menggunakan kedua-dua kaedah fizikal dan dalam talian kerana kedua-dua kaedah ini mempunyai kelebihan yang tersendiri di sebalik kekurangan yang turut ada. Perkara yang paling penting ialah kesediaan untuk menerima, menyesuaikan, meningkatkan penglibatan serta mencari penyelesaian terbaik di sebalik kekangan yang ada dari semua pihak sama ada ada dari segi fasiliti internet dan ruang P&P, motivasi, latihan-latihan berkaitan, sokongan keluarga, rakan dan institusi pengajian.

### Rujukan

- Alhawsawi, S., & Jawhar, S. S. (2021). Negotiating pedagogical positions in higher education during COVID-19 pandemic: teacher's narratives. *Heliyon*, 7(6), e07158. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e07158>
- Adnan, M., & Anwar, K. (2020). Online Learning amid the COVID-19 Pandemic: Students' Perspectives. *Online Submission*, 2(1), 45-51.
- Antin, A. & Kiflee, N. (2018). Pengaruh beban tugas dan motivasi terhadap keefisienan kerja guru sekolah menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 3, Issue 2, 77 – 84.
- Al Lily, A. E., Ismail, A. F., Abunasser, F. M., & Alhajhoj Alqahtani, R. H. (2020). Distance education as a response to pandemics: Coronavirus and Arab culture. *Technology in Society*, 63(July), 101317. <https://doi.org/10.1016/j.techsoc.2020.101317>
- Baber, H. (2021). Modelling the acceptance of e-learning during the pandemic of COVID-19- A study of South Korea. *International Journal of Management Education*, 19(2), 100503. <https://doi.org/10.1016/j.ijme.2021.100503>
- Buku Panduan Akademik Sarjana Muda Sains Sosial (Bahasa dan Komunikasi Silang Budaya). (2020). Pusat Bahasa. Kuala Lumpur: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- Hairun Najuwah Jamali, Wazzainab Ismail, Ku fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abdul Rahman, (2020), Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Talian Ketika PKPP: Pengalaman di KUIS, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020. e-ISBN: 978 967 2122 78 4 1363
- Hamat, M., & Mahlan, S. B. (2020). *Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19*. September, 23–30.
- Jogezai, N. A., Baloch, F. A., Jaffar, M., Shah, T., Khilji, G. K., & Bashir, S. (2021). Teachers' attitudes towards social media (SM) use in online learning amid the COVID-19 pandemic: the effects of SM use by teachers and religious scholars during physical distancing. *Heliyon*, 7(4), e06781. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e06781>
- Mohamad Idham Md Razak, 2020, [Online]: COVID-19: Pembelajaran atas talian suatu keperluan ke arah menuju Malaysia maju | Astro Awani.

- <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arah-menuju-malaysia-maju-237496> (Akses pada 5 Ogos 2020)
- Fatin Aliah Phang. (2020). Covid-19: Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Ulasan Pakar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Mengenai Isu Semasa. <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>. (Akses pada 5 Ogos 2020)
- Rodriguez-Segura L., Zamora-Antuñano M.A., Rodriguez-Resendiz J., Paredes-García W.J., Altamirano-Corro J.A. & Cruz-Pérez M.A. 2020. Teaching challenges in Covid-19 scenery: Teams platform-based student satisfaction approach leticia. Sustainability 12(7514). <https://doi.org/10.3390/su12187514>
- Siti Azura Binti Abu Hassan, Suzana Binti Zainol Abidin, Zulkurnain Bin Hassan, (2021), Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran dalam Talian (E Pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat, IJHTC, Universiti Malaysia Pahang Press, Issue 10, Vol 2 March 2021. pp 1-14 1
- Wilayahku. (2021). Kronologi Pelaksanaan Fasa PKP dalam Negara. Editor Wilayahku. January 12, 2021 9:02 am[https://www.wilayahku.com.my/kronologi-pelaksanaan-fasa-pkp-dalam-negara/#.YQilMz\\_ivIU](https://www.wilayahku.com.my/kronologi-pelaksanaan-fasa-pkp-dalam-negara/#.YQilMz_ivIU)
- Yekefallah, L., Namdar, P., Panahi, R., & Dehghankar, L. (2021). Heliyon Factors related to students' satisfaction with holding e-learning during the Covid-19 pandemic based on the dimensions of e-learning. Heliyon, 7(July), e07628. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e07628>